



**PERATURAN AM DAN SYARAT PERTANDINGAN  
LIGA FUTSAL BRUNEI 2023  
(BFL 2023)**

## **KANDUNGAN**

PERKARA 1	Nama Kejohanan
PERKARA 2	Pelaksana / Penganjur
PERKARA 3	Takrif / Tafsiran
	3.1 Umum
	3.2 Teknikal
PERKARA 4	Pematuhan dan Pelanggaran Peraturan
	4.1 Hukuman dan Denda kepada pasukan dan pegawai
	4.2 Hukuman dan Denda kepada pemain
PERKARA 5	Kelayakan
	5.1 Kelayakan Pasukan
	5.2 Kelayakan Pegawai
	5.3 Kelayakan Pemain
PERKARA 6	Bilangan Pendaftaran Pegawai dan Pemain
PERKARA 7	Pass (Akredetasi) Pemain dan Pegawai
PERKARA 8	Tanggungjawab Pasukan, Pegawai dan Pemain
PERKARA 9	Format Pertandingan
	9.1 Liga Futsal Brunei 2023 (BFL 2023)
	9.2 Piala Futsal Brunei 2023 (BFC 2023)
PERKARA 10	Mata Perlawanan
PERKARA 11	Jadual Perlawanan
PERKARA 12	Masa Permainan
PERKARA 13	Pegawai-pegawai Pertandingan

PERKARA 14	Penangguhan, Pembatalan dan Penundaan Perlawanan
PERKARA 15	Peralatan, Gelanggang Dan Bangku Simpanan
PERKARA 16	Pakaian
	16.1 Warna Pasukan
	16.2 Nombor Jersi
	16.3 Iklan
	16.4 Bib Pasukan
	16.5 Thight / Thermal
PERKARA 17	Hadiah dan Trofi
PERKARA 18	Protokol Pertandingan & Organisasi Teknikal Perlawanan (OTP)
PERKARA 19	Kenyataan Akhbar
PERKARA 20	Bantahan
PERKARA 21	Jawatankuasa
	21.1 Jawatankuasa Tetap Futsal FABD (JTP)
	21.2 Jawatankuasa Bantahan (JKB)
	21.3 Jawatankuasa Tatatertib (JKT)
	21.4 Jawatankuasa Rayuan (JKR)
PERKARA 22	Pentadbiran
PERKARA 23	Laporan Pegawai Perlawanan
PERKARA 24	Hal-Hal Yang Tidak Diperuntukkan

# PERATURAN AM PERTANDINGAN

## LIGA FUTSAL BRUNEI 2023 (BFL 2023)

### PERKARA 1: NAMA KEJOHANAN

- 1.1 Pertandingan ini dinamakan **LIGA FUTSAL BRUNEI 2023** (*BRUNEI FUTSAL LEAGUE 2023*) atau singkatannya **BFL 2023**.

### PERKARA 2: PELAKSANA/PENGANJUR

BFL 2023 ini dianjurkan oleh **PERSATUAN BOLASEPAK BRUNEI DARUSSALAM (FABD)** di bawah **JAWATANKUASA TETAP PERTANDINGAN (FUTSAL dan BOLA SEPAK PANTAI)**.

- 2.1. Bagi maksud pelaksanaan, FABD bertanggungjawab mengenai perkara-perkara dasar dan boleh menyerahkan kuasa dan mandat pelaksanaan kepada **Jawatankuasa Tetap Pertandingan (Futsal dan Bola Sepak Pantai) (JTP)** yang ditubuhkan oleh FABD.
- 2.2. Adalah menjadi tanggungjawab pelaksana menerangkan secara lengkap dan jelas peraturan pertandingan BFL 2023 kepada pasukan-pasukan yang terlibat di dalam pengelolaan dan penyertaan BFL 2023.

### PERKARA 3: TAKRIF / TAFSIRAN

#### 3.1 UMUM

- 3.1.1 “**FABD**” bermaksud Persatuan Bolasepak Negara Brunei Darussalam yang mempunyai kuasa mutlak penganjuran.
- 3.1.2 “**JTP**” atau Jawatankuasa Tetap Pertandingan (Futsal dan Bola Sepak Pantai), FABD bermakna **PENGANJUR sebagai pelaksana yang akan bertanggungjawab mengelola semua perkara-perkara teknikal dan bukan teknikal** dalam pertandingan ini.
- 3.1.3 “**JKB**” bermakna **JAWATANKUASA BANTAHAN** yang mempunyai **kuasa dan hak mengkaji sebarang bantahan secara bertulis dan/atau aduan** yang dikemukakan oleh **pengurus dan/atau pegawai pasukan** yang dibuat secara rasmi semasa BFL 2023.
- 3.1.4 “**JKT**” bermakna **LEMBAGA DISIPLIN FABD** yang mempunyai **kuasa dan hak ke atas siasatan dan pertuduhan** pelanggaran pengurusan dan bukan teknikal BFL 2023.
- 3.1.5 “**JKR**” bermakna **LEMBAGA RAYUAN FABD** yang mempunyai **kuasa dan hak ke atas rayuan pertuduhan pelanggaran** pengurusan dan bukan teknikal BFL 2023.

## 3.2 TEKNIKAL

- 3.2.1 **"Perlembagaan"** bermakna Perlembagaan semasa Persatuan Bola Sepak Brunei Darussalam (FABD).
- 3.2.2 **"Peraturan"** bermakna Peraturan Pertandingan Liga Futsal Brunei 2023 bagi kategori yang dipertandingkan serta termasuklah juga Peraturan Persatuan.
- 3.2.3 **"Pertandingan"** bermakna Liga Futsal Brunei 2023 atau BFL 2023 yang dipertandingkan.
- 3.2.4 **"Pasukan"** bermakna Pasukan Kelab atau Pasukan Jemputan yang disahkan penyertaannya di dalam Pertandingan oleh JTP.
- 3.2.5 **"Pegawai"** bermakna Pegawai Pasukan.
- 3.2.6 **"Pegawai Pertandingan"** bermakna Pengarah Pertandingan FABD, Pengerusi Pertandingan, Timbalan Pengerusi Pertandingan, Pegawai Perlawanan, *Domestic Match Commissioner (DMC)*, *Local General Coordinator (LGC)*, *Technical Officer (TO)*, Penilai Pengadil Perlawanan (Referee Assessor), Venue Coordinator, Pengadil-pengadil Perlawanan, Pegawai Keselamatan, Pegawai Media, Ahli Jawatankuasa Tetap Futsal FABD, Ahli Jawatankuasa Keselamatan, Ahli Jawatankuasa Tatatertib, Ahli Jawatankuasa Rayuan dan mana-mana orang yang diberi kuasa untuk menjalankan tugas bagi pihak JTP dalam setiap perlawanan atau pertandingan.
- 3.2.7 **"Pendaftaran Perlawanan / Starting List"** bermakna sejumlah pemain yang layak bermain didaftarkan di dalam borang tertentu yang dikeluarkan oleh penganjur untuk bermain di dalam satu-satu perlawanan.
- 3.2.8 **"Pegawai atau Pemain tidak layak"** bermakna mana-mana Pegawai atau Pemain yang tidak dibenarkan dan tidak disahkan pendaftarannya oleh Penganjur atau masih menjalani hukuman kerana kesalahan melanggar Peraturan Persatuan atau Undang-undang.
- 3.2.9 **"PTR"** bermakna **Pasukan Tuan Rumah (Home Team)** yang mana disebut dahulu dalam jadual pertandingan.
- 3.2.10 **"PP"** bermakna **Pasukan Pelawat (Away Team)** yang mana disebut sebagai pasukan kedua dalam jadual pertandingan.
- 3.2.11 **"Pengadil-pengadil Perlawanan"** bermakna Pengadil, Pengadil Kedua, Pengadil Ketiga dan Penjaga Masa seperti yang dilantik oleh JTP atau FABD.
- 3.2.12 **"Local General Coordinator"** atau **"LGC"** bermakna seorang pegawai yang dilantik oleh JTP atau FABD bagi mengelola perlawanan BFL 2023 mengikut peraturan dan prosedur yang telah ditetapkan oleh JTP atau FABD.

- 3.2.13 “**Pemain**” bermakna mana-mana pemain futsal **warganegara Negara Brunei Darussalam atau penduduk tetap** yang mempunyai status Amatur atau Professional mewakili pasukan yang disahkan pendaftarannya untuk menyertai BFL 2023.
- 3.2.14 “**Pemain Asing**” bermakna mana-mana pemain **FUTSAL LUAR NEGARA** yang mempunyai kad pengenalan hijau / pas pekerja / pas penuntut atau mana-mana pemain **FUTSAL LUAR NEGARA** yang mempunyai **International Transfer Certificate (ITC)** yang sah dari negara asal pemain tersebut mewakili pasukan yang disahkan pendaftarannya oleh **JABATAN PERTANDINGAN FABD** untuk menyertai BFL 2023.
- 3.2.15 “**Organisasi Teknikal Perlawanan**” atau “**OTP**” iaitu garis panduan yang dikeluarkan oleh FABD atau JTP dan perlu dipatuhi dalam mengelolakan semua perlawanan pertandingan.
- 3.2.16 **Selain daripada peraturan-peraturan yang terkandung**, pertandingan ini akan dijalankan **mengikut Peraturan-Peraturan Persatuan Bola Sepak Brunei Darussalam (FABD), Kod Tatatertib FABD dan Undang-undang Permainan Futsal yang disiarkan oleh Persekutuan Bolasepak Antarabangsa (FIFA).**

#### **PERKARA 4: MEMATUHI PERATURAN DAN UNDANG-UNDANG**

- 4.1. **Kejujuran dan ketelusan mematuhi semua peraturan, undang-undang, syarat, prosedur dan pekeliling mengenai pengurusan dan pentadbiran dalam penyertaan PERTANDINGAN LIGA FUTSAL BRUNEI 2023 adalah menjadi tanggungjawab ke atas Pasukan, Pegawai dan Pemain.**
- 4.2. Mana-mana pasukan, pegawai atau pemain yang mengingkari mana-mana perkara di dalam Peraturan Am, boleh dikenakan **satu tindakan atau lebih** oleh **JKT FABD** merujuk kepada **Kod Tatatertib FABD.**
- 4.3. Mana-mana Pasukan, atau Pegawai atau Pemain yang **melanggar mana-mana perkara** di dalam **Peraturan Am dan Syarat Pertandingan BFL 2023** boleh **dikenakan hukuman dan denda** seperti berikut:-
- 4.3.1 Hukuman dan Denda bagi **PASUKAN DAN PEGAWAI**:
- 4.3.1.1 Pasukan boleh didenda tidak melebihi **BND 2,000.00** (Dolar Brunei: Dua Ribu sahaja);
- 4.3.1.2 Pegawai boleh didenda tidak melebihi **BND 1,000.00** (Dolar Brunei : Satu Ribu sahaja) dan **di gantung perlawanan minimum 2 (dua) perlawanan;**
- 4.3.1.3 **Yuran Penyertaan Pasukan tidak akan dikembalikan;**
- 4.3.1.4 Pasukan dikira kalah dan kemenangan diberikan kepada pasukan yang satu lagi dengan **3 mata** dan jaringan gol **5-0 atau lebih** semasa perlawanan dihentikan atau perlawanan tamat;

- 4.3.1.5 Pasukan yang disabit kesalahan dan dijatuhkan hukuman akan dikeluarkan dari Pertandingan, maka semua perlawanan terdahulu tidak akan dikira sekaligus digantung penyertaan secara automatik untuk beberapa perlawanan atau tidak melebihi **dua (2) tahun atau tidak melebihi dua musim**;
- 4.3.1.6 Memotong mata perlawanan Pasukan **tidak melebihi 6 mata**;
- 4.3.1.7 Pasukan dikehendaki memulangkan semula hadiah kemenangan seperti Piala, medal atau hadiah wang tunai yang telah diterima. Wang tunai hendaklah dipulangkan sepenuhnya mengikut jumlah yang diterima;
- 4.3.1.8 Pendaftaran Pemain dan Pegawai terbatal serta merta jika pasukan didapati bersalah atau dijatuhkan hukuman oleh JKT;
- 4.3.1.9 **Pasukan yang menarik diri selepas pengesahan penyertaan SEBELUM Pertandingan bermula** akan dikenakan denda sebanyak **BND 300.00 (Dolar Brunei: Tiga Ratus sahaja)**. Pasukan tersebut dikira terkeluar dari Pertandingan;
- 4.3.1.10 **Pasukan yang menarik diri SELEPAS undian tetapi sebelum perlawanan pertama** akan didenda tidak melebihi **BND 500.00 (Dolar Brunei: Lima Ratus Sahaja)**. Pasukan tersebut dikira terkeluar dari Pertandingan;
- 4.3.1.11 **Pasukan yang menarik diri SELEPAS PERLAWANAN PERTAMA** akan didenda tidak melebihi **BND 700.00 (Dolar Brunei: Tujuh Ratus Sahaja)**. Pasukan tersebut dikira terkeluar dari Pertandingan;
- 4.3.1.12 **Sekiranya mana-mana Pasukan gagal bermain setelah melayakkan diri** pada mana-mana tahap pertandingan atau diarahkan bermain oleh JTP akan didenda tidak melebihi **BND 2,000.00 (Dolar Brunei: Dua Ribu Sahaja)**. Pasukan tersebut dikira terkeluar dari Pertandingan;
- 4.3.1.13 Sekiranya **sesebuah Pasukan tidak melaporkan diri di gelanggang untuk sesuatu perlawanan, kecuali** dalam hal bencana alam, atau luar jangkaan (*force majeure*), atau sebab-sebab yang kemudiannya diterima oleh JTP, maka Pasukan tersebut di kira telah menarik diri dan terkeluar dari Pertandingan serta semua perlawanan terdahulu tidak dikira. Pasukan tersebut akan didenda mengikut kesalahan di bilangan 4.3.1.9 atau 4.3.1.10 atau 4.3.1.11 setelah didapati bersalah dan dijatuhkan hukuman;
- 4.3.1.14 **Mana-mana Pasukan yang gagal menamatkan perlawanan, tanpa mendapat persetujuan JTP**, maka Pasukan tersebut akan didenda tidak melebihi **BND 2,000.00 (Dolar Brunei: Dua Ribu Sahaja)**. Pasukan tersebut dikira terkeluar dari Pertandingan;

4.3.1.15 Mana mana pasukan yang **DIDAPATI MENARIK DIRI** dalam situasi seperti berikut:

4.3.1.15.1 Menarik diri selepas Perlawanan Pertama atau sebelum tamat musim Liga Futsal Brunei 2023; atau

4.3.1.15.2 Gagal melaporkan diri bagi mana-mana perlawanan dalam Pertandingan ini; atau

4.3.1.15.3 Enggan untuk meneruskan mana-mana perlawanan dalam Pertandingan ini; atau

4.3.1.15.4 Meninggalkan venue pertandingan sebelum tamatnya sesuatu perlawanan;

4.3.1.15.5 Dianggap **telah menarik diri** daripada menyertai Pertandingan ini dan **boleh dikenakan tindakan seperti berikut :**

4.3.1.15.5.1 Semua perlawanannya **dibatalkan dan dianggap tidak sah**. Bagi mengelakkan sebarang keraguan, semua mata dan gol dalam perlawanan yang telah dimainkan sebelum penarikan diri berkenaan tidak akan diambil kira apabila menentukan kedudukan terakhir Peringkat Liga.

4.3.1.15.5.2 Pasukan berkenaan digantung penyertaan secara automatik minimum dua (2) musim berturut-turut di Peringkat Kebangsaan.

4.3.1.15.5.3 Pasukan berkenaan boleh dikenakan denda tidak melebihi **BND 2,000.00** (Dolar Brunei : Dua Ribu Sahaja) jika menarik diri ketika Peringkat Liga atau Piala.

4.3.1.15.5.4 Apa-apa tindakan yang difikirkan perlu dan patut oleh JTP.

4.3.1.15.5.5 Mana-mana pegawai yang diarahkan keluar dari gelanggang atau meninggalkan bangku simpanan akan **digantung perlawanan minimum dua (2) perlawanan**.

4.3.2 Hukuman dan Denda bagi **PEMAIN:**

4.3.2.1 Pemain boleh didenda tidak melebihi **BND 1,000.00**. (Dolar



*Brunei: Satu Ribu sahaja);*

- 4.3.2.2 Pemain terkeluar daripada Pertandingan dan digantung bermain selama **tidak melebihi Dua (2) tahun atau dua (2) musim;**
- 4.3.2.3 Pemain mestilah **memulangkan semula hadiah kemenangan** seperti Piala, medal atau hadiah wang tunai yang telah diterima. **Wang tunai hendaklah dipulangkan sepenuhnya** mengikut jumlah yang diterima;
- 4.3.2.4 Pendaftaran Pemain **terbatal serta merta.**
- 4.3.2.5 Pemain yang menjalani hukuman penggantung secara automatik, mesti melaksanakan hukuman pada perlawanan berikutnya iaitu selepas perlawanan yang ia menerima hukuman;
- 4.3.2.6 Pemain yang menerima **tiga (3) Kad Kuning** di dalam perlawanan yang berlainan di **Peringkat Liga Atau Peringkat Kumpulan** akan **digantung bermain secara automatik satu (1) perlawanan** berikutnya di mana pasukannya bermain dan pemain tersebut akan **dikenakan denda** sebanyak **BND 30.00** (Brunei Dollar : Tiga Puluh Sahaja);
- 4.3.2.7 Pemain yang mendapat **satu (1) Kad Merah** kerana kesalahan menerima **dua (2) Kad Kuning dalam satu perlawanan digantung bermain secara automatik satu (1) perlawanan** berikutnya di mana pasukannya bermain;
- 4.3.2.8 Pemain yang mendapat **satu (1) Kad Merah terus dalam satu (1) perlawanan akan digantung bermain secara automatik dua (2) perlawanan berikutnya** di mana pasukannya bermain samada di peringkat Liga atau Kalah Mati. **Sekiranya kes yang melibatkan keganasan, atau kecederaan atau luar kawalan** akan di rujuk kepada **Jawatankuasa Tata tertib FABD (JKT)** untuk menentukan hukuman seterusnya;
- 4.3.2.9 Mana-mana Pemain yang **dianggap cuba atau telah menyerang Pegawai dan Pemain Pasukan yang satu lagi** atau **menyerang Pegawai Pertandingan atau menyerang sesiapa sahaja** yang berada di gelanggang permainan maka pemain berkenaan akan didenda tidak melebihi **BND 1, 000.00** (Dolar Brunei: Satu Ribu Sahaja);
- 4.3.2.10 **Mana-mana Pemain, yang terbukti telah membantu atau bersubahat** melakukan apa-apa kesalahan dibawah Peraturan Am Pertandingan akan didenda tidak melebihi **BND 1,000.00** (Dolar Brunei: Satu Ribu Sahaja) atau penggantung atau kedua-duanya sekali;

## **PERKARA 5: KELAYAKAN PASUKAN ,YURAN, PEGAWAI DAN PEMAIN**

### **5.1. PASUKAN**

- 5.1.1. Pasukan yang layak menyertai Pertandingan seperti di tetapkan oleh **AHLI EKSEKUTIF FABD** adalah **terbuka** kepada **pasukan Futsal lelaki dan kelab yang berdaftar dengan FABD**.
- 5.1.1.1 **LIGA FUTSAL BRUNEI 2023 (BFL 2023)**
- 5.1.1.2 **PIALA FUTSAL BRUNEI 2023 (BFC 2023)**
- 5.1.2. **YURAN PENYERTAAN LIGA FUTSAL BRUNEI 2023 (BFL 23)** dikenakan sebanyak **BND \$ 1,000.00 (Dolar Brunei: Satu Ribu sahaja)** dengan dua kali tempoh pembayaran yang melibatkan **12 PASUKAN** akan bermain dalam **(2) PUSINGAN ATAU FASA**.
- 5.1.3. **BAYARAN YURAN PENYERTAAN (PERTAMA)** hendaklah **dijelaskan sebelum/pada sebelum/pada 31 JANUARI 2023** MANAKALA **BAYARAN YURAN PENYERTAAN (KEDUA)** hendaklah **dijelaskan sebelum/pada 31 MEI 2023** seperti yang telah di tetapkan oleh **JTP FABD**. Mana-mana pasukan yang **GAGAL** membuat pembayaran mengikut tempoh yang diberikan akan **mengakibatkan pendaftaran/penyertaan pasukan dibatalkan**.
- 5.1.4. **YURAN PENYERTAAN PIALA FUTSAL BRUNEI 2023 (BFC 2023)** dikenakan sebanyak **BND \$ 500.00 (Dolar Brunei: Lima Ratus sahaja)** bagi **16 PASUKAN** yang akan bermain dalam **PERINGKAT KUMPULAN DAN PUSINGAN KALAH MATI (KNOCK OUT STAGE)**.
- 5.1.5. Pasukan-pasukan yang bertanding perlu mengambil kira perkara-perkara berikut:-
- 5.1.5.1 **Setiap pasukan yang bermain dalam LIGA FUTSAL BRUNEI 2023 (BFL 2023) DIBOLEHKAN untuk MENDAFTARKAN SEKURANG-KURANGNYA 20 PEMAIN DAN TIGA (3) PEMAIN BAWAH UMUR 20 TAHUN yang lahir pada 2003 ke atas dalam pasukan masing-masing.**
- 5.1.5.2 **Setiap pasukan juga DIMESTIKAN untuk mendaftarkan tidak kurang dari SATU (1) ORANG PEMAIN BAWAH UMUR 20 TAHUN dalam senarai 14 pemain pada setiap perlawanan.**
- 5.1.5.3 **Mematuhi segala peraturan pertandingan dan keputusan yang dikeluarkan oleh JTP dari semasa ke semasa.**
- 5.1.5.4 **Pasukan yang menyertai kejohanan ini adalah tertakluk kepada semua peraturan dan keputusan-keputusan JTP. Pasukan hendaklah sentiasa berpegang dan mengamal prinsip "Fairplay".**
- 5.1.5.5 **Bagi pasukan yang telah didaftarkan/ditetapkan oleh JTP bagi bermain di dalam Liga Futsal Brunei 2023 hendaklah mengesahkan penyertaan dalam tempoh yang ditetapkan melalui email dengan menghantar **Borang Pengesahan Penyertaan** yang telah lengkap diisikan pada satu tarikh yang akan dimaklumkan kemudian.**

- 5.1.5.6 **Setiap pasukan MESTI** melepaskan mana-mana pemain yang **dipanggil untuk menyertai PASUKAN KEBANGSAAN DAN PASUKAN DI BAWAH UMUR 20 KEBANGSAAN (U20)** demi untuk kepentingan pembangunan Futsal Negara serta termasuklah mengikuti sebarang program untuk tujuan penambah-baikkan prestasi pemain, jika pemain tersebut dipanggil oleh pihak FABD.

## 5.2 PEGAWAI PASUKAN

Setiap pasukan **dibenarkan membuat pendaftaran** seperti berikut:-

- 5.2.1. Mendaftar maksimum **TUJUH (7) orang Pegawai** dan salah seorang mestilah **Ketua Jurulatih** dan seorang **Sports First Aider/Ahli Fisioterapi** kecuali diputuskan berlainan oleh JTP. **Semua pendaftaran TUJUH (7) orang pegawai pasukan tidak dikenakan apa-apa bayaran** sebelum Liga Futsal Brunei 2023 dimulakan.
- 5.2.2. **Sekiranya terdapat pendaftaran baru** atau **pertukaran selepas perlawanan pertama** pasukan masing-masing, **bayaran yang dikenakan** adalah sebanyak **(BND 50.00 : DOLAR BRUNEI LIMA PULUH SAHAJA)** sebagai **BAYARAN PENTADBIRAN**.
- 5.2.3. **Ketua Jurulatih MESTI SEKURANG-SEKURANGNYA** mempunyai **Lesen Tahap 1 Futsal AFC** atau **Sijil Kejurulatihan futsal FIFA** yang **diiktiraf oleh FABD**. Bagi pasukan yang ingin menggunakan **khidmat jurulatih dari luar negara** perlu mempunyai **minimum Lesen Tahap 2 Futsal AFC**. Semakan akan dilakukan berhubung perkara ini.
- 5.2.4. **Pengurus pasukan atau Pegawai pasukan, Ketua Jurulatih dan Ketua Pasukan** atau wakil **DIMESTIKAN untuk** hadir Mesyuarat dan Taklimat Pengurus Pasukan (*Managers Meeting*) pada tarikh dan masa yang ditetapkan oleh JTP.
- 5.2.5. **Pendaftaran Pegawai Pasukan** hendaklah dihantar dengan lengkap ke JTP pada masa dan tarikh yang ditetapkan serta mengemukakan dokumen-dokumen berikut:-
- 5.2.5.1 **Salinan Kad Pintar atau Pasport Antarabangsa** untuk semua Pegawai.
- 5.2.5.2 **Salinan sijil Pegawai Pasukan berkenaan** seperti Sijil Kejurulatihan bagi Ketua Jurulatih atau lain-lain Jurulatih dan salinan sijil Sports Aider/Ahli Fisioterapi.
- 5.2.5.3 **Gambar berukuran paspot** yang terbaru **tidak kurang dari 1 bulan**.
- 5.2.5.4 Kesemua dokumen-dokumen berikut hendaklah disahkan oleh **Pengurus Pasukan** masing-masing.
- 5.2.6. Jika mana-mana **pasukan menghantar atau mengembalikan** borang yang **tidak lengkap**, pihak JTP boleh menolak permohonan pendaftaran pasukan

- tersebut.
- 5.2.7. Sekiranya terdapat **PEMALSUAN DOKUMEN** bagi mana-mana pasukan di dalam **Liga Futsal Brunei 2023** yang melibatkan pemain atau pegawai pasukan maka **Tindakan Tatatertib** akan dikenakan atau tindakan berikut akan berkuatkuasa;
- 5.2.7.1 Kes akan di buat siasatan oleh **JTP BFL 2023**.
  - 5.2.7.2 **JTP BFL 2023** akan menyediakan kertas siasatan atau pertuduhan bagi mendengar dan menentukan hukuman kepada **JKT FABD**.
  - 5.2.7.3 Pasukan atau pegawai pasukan atau pemain yang terlibat tidak akan dibenarkan menyertai atau terlibat di dalam mana-mana perlawanan sehingga kes diputuskan.

### 5.3 PEMAIN

Setiap pasukan dibenarkan membuat pendaftaran pemain seperti berikut:-

- 5.3.1. Hanya pemain yang terdiri daripada **pemain yang berdaftar** dengan **pasukan yang sah dan pasukan jemputan** layak bermain di BFL 2023.
- 5.3.2. **Pemain tempatan** diklasifikasikan sebagai pemain yang **memiliki kad pintar berwarna kuning dan merah/ungu**.
- 5.3.3. Setiap pasukan dibenarkan **mendaftarkan DUA (2) PEMAIN ASING yang memiliki kad pintar berwarna hijau ataupun memiliki pas kerja/pas penuntut yang sah** dan bagi **PEMAIN-PEMAIN FUTSAL LUAR NEGARA** hendaklah menyertakan **Release Letter** dan **TPO** sebagai bukti pengesahan. **Pendaftaran pemain-pemain hendaklah dihadapkan ke Bahagian Jabatan Pertandingan FABD** bagi kebenaran sebelum dibenarkan bermain.
- 5.3.4. Seseorang pemain boleh di daftarkan dengan **dua (2) pasukan** yang berbeza **dalam satu (1) musim** dan perpindahan **melalui jendela perpindahan** seperti di bawah:-
  - 5.3.4.1 JENDELA PERPINDAHAN **PERTAMA** : **07 DISEMBER 2022 – 28 FEBRUARI 2023**
  - 5.3.4.2 JENDELA PERPINDAHAN **KEDUA** : **24 APRIL 2023 – 24 MEI 2023**
- 5.3.5. **Bayaran** sebanyak **BND 50.00 (DOLAR BRUNEI LIMA PULUH SAHAJA)** akan **dikenakan untuk setiap perpindahan** pemain sebagai **bayaran pentadbiran**. **Bayaran** hendaklah dibuat ke **Bahagian Kewangan FABD**. *Hanya setelah bayaran diterima, barulah proses perpindahan pemain adalah **diiktiraf dan sah**.*
- 5.3.6. Pemain yang berstatus **FREE AGENT** bebas memilih bermain dengan mana-mana kelab sekiranya tidak memiliki ikatan atau tamat Kontrak Rasmi bermain di antara pasukan dan pemain atau telah disingkirkan daripada pasukan asal. **Sekiranya terdapat kes pertindihan pendaftaran pemain, maka perkara ini akan dihadapkan oleh JTP ke Jawatankuasa Player Status FABD**. Bagi isu pemain yang **bekerja dengan pihak swasta atau berkhidmat** sebagai **ANGGOTA POLIS ATAU ANGGOTA TENTERA** yang menyertai pertandingan ini, **MESTI** mendapatkan surat kebenaran secara bertulis **daripada Pengurus Pasukan atau Setiausaha Pasukan/Kelab/pihak**

**swasta tersebut atau** kebenaran bertulis daripada **Majlis Sukan** pihak yang berkenaan.

- 5.3.7. Pemain yang telah **disahkan layak bermain** akan **DIBERIKAN PAS AKREDETASI PEMAIN**. Pemain ini **layak bermain mewakili pasukannya** sepanjang tempoh musim kejohanan, **kecuali** keputusan sebaliknya iaitu **dihalang atau digugurkan** oleh **LEMBAGA TATATERTIB FABD**.
- 5.3.8. Setiap pasukan yang menyertai BFL 2023 hendaklah **mematuhi syarat-syarat berikut**:
- 5.3.9.1 **Pendaftaran hendaklah di buat oleh Pengurus Pasukan** di dalam tempoh yang ditetapkan **oleh JTP**.
  - 5.3.9.2 Setiap pemain **MESTI** menyertakan dokumen-dokumen di dalam **Perkara 6** dan hendaklah **daripada salinan asal**.
  - 5.3.9.3 Semua Pemain **digalakkan mempunyai insuran secara berkelompok** bagi *Kemalangan Diri, Hospital dan Surgeri*.
  - 5.3.9.4 Pemain yang sedang menjalani hukuman tatatertib yang dikenakan oleh JTP atau FABD (*termasuk pemain-pemain yang digantung kerana kes rasuah*) **tidak dibenarkan untuk didaftarkan dalam BFL 2023**.
  - 5.3.9.5 **Pemain-pemain yang telah bermain atau didaftarkan** di dalam **BRUNEI SUPER LEAGUE 2023 TIDAK DIBENARKAN** untuk didaftarkan dan bermain dalam **BFL 2023**.

## **PERKARA 6: BILANGAN PENDAFTARAN PEGAWAI DAN PEMAIN**

### **6.1. BILANGAN PEMAIN**

- 6.1.1. Semua pendaftaran **DUA PULUH TIGA (23)** orang pemain **tidak dikenakan apa-apa bayaran** sebelum Liga Futsal Brunei 2023 dimulakan.
  - 6.1.1.1 **MAKSIMA 20 PEMAIN** BEBAS UMUR
  - 6.1.1.2 **MAKSIMA 3 PEMAIN BAWAH UMUR 20 TAHUN** (LAHIR 2003 KE ATAS)
- 6.1.2. Sekiranya pasukan **tidak mendaftar penuh dua puluh dua (23)** pemain dan **terdapat penambahan pendaftaran baru selepas perlawanan pertama** pasukan masing-masing **bayaran yang dikenakan** adalah sebanyak **BND 50.00** (DOLAR: BRUNEI LIMA PULUH SAHAJA) sebagai **bayaran pengurusan**.
- 6.1.3. **Senarai nama PEMAIN** hendaklah mengandungi maklumat terperinci seperti di bawah ini;
  - 6.1.4.1 **Nama penuh pemain** perlu disertakan dokumen berikut:-
    - 6.1.4.1.1 Gambar terbaharu berukuran 35mm x 50mm (ukuran passport) setiap pemain yang diambil **tidak melebihi sebulan sebelum pertandingan**.
    - 6.1.4.1.2 Salinan Kad Pengenalan.
    - 6.1.4.1.3 Pas kerja/penuntut yang sah bagi pemegang kad pengenalan hijau.
    - 6.1.4.1.4 Pemain Asing hendaklah mempunyai **Release Letter dan TPO**.
    - 6.1.4.1.5 **Kesemua dokumen hendaklah disahkan oleh Pengurus pasukan** masing-masing dan kesemua dokumen ini hendaklah di bawa bersama semasa membuat pengesahan Pass Akreditasi kepada JTP.

## 6.2. BILANGAN PEGAWAI

- 6.2.1. Setiap pasukan dibenarkan mendaftar senarai **PEGAWAI** yang mengandungi **TIDAK LEBIH** daripada **TUJUH (7) orang melalui email** yang disediakan oleh pihak JTP sebelum tarikh akhir pendaftaran pada **hari Sabtu, 20 Januari 2023**.
- 6.2.2. Senarai nama pegawai hendaklah mengandungi maklumat terperinci seperti di bawah dan didaftarkan secara sistem dalam talian yang akan dimaklumkan kemudian.
  - 6.2.2.1 Nama penuh pegawai mesti disertakan dokumen berikut:-
    - 6.2.2.1.1 Gambar terbaharu berukuran **35mm x 50mm** (size passport) setiap pegawai yang diambil **tidak melebihi satu (1) bulan sebelum pertandingan**.
    - 6.2.2.1.2 **Salinan Lesen Futsal Tahap 1 AFC** atau **Sijil Kejurulatihan Futsal FIFA** bagi Ketua Jurulatih.
    - 6.2.2.1.3 Kesemua dokumen hendaklah disahkan oleh Pengurus pasukan masing-masing dan kesemua dokumen ini hendaklah di bawa bersama semasa membuat pengesahan Pass Akreditasi kepada JKTP.

## PERKARA 7: KAD AKREDITASI PEGAWAI DAN PEMAIN

- 7.1. **Semua Pegawai dan Pemain mestilah MEMPUNYAI PAS AKREDITASI yang dikeluarkan dan disahkan oleh FABD** tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan.
- 7.2. **PAS Akreditasi Pegawai dan Pemain ini sah laku hingga tamat Pertandingan** berkenaan kecuali dibatalkan atau dilanjutkan tempohnya oleh FABD.
- 7.3. **PAS Akreditasi yang hilang atau rosak**, hendaklah dilaporkan segera ke **pengetahuan JTP**. Pengeluaran PAS (akreditasi) yang hilang atau rosak selepas itu akan **dikenakan caj BND 30.00 (DOLAR BRUNEI: TIGA PULUH SAHAJA)** bagi setiap PAS yang dikeluarkan dan mesti **mendapat kelulusan FABD**.
- 7.4. **PAS Akreditasi hendaklah di bawa dan ditunjukkan** kepada **Pegawai Pertandingan sebelum atau pada bila-bila masa yang diperlukan untuk tujuan pemeriksaan dan pengesahan**. Jika Pegawai atau Pemain **gagal menunjukkan PAS Akreditasi semasa pemeriksaan oleh Pegawai Pertandingan**, maka Pegawai atau Pemain tersebut **tidak dibenarkan untuk bermain**.
- 7.5. **PEGAWAI tanpa PAS Akreditasi** atau tidak mendaftar di dalam pasukan sebelum bermulanya sesuatu perlawanan, **tidak boleh berada di bangku simpanan, kawasan teknikal, bilik persalinan Pasukan serta tidak boleh mengambil bahagian dalam apa-apa aktiviti Pasukan di dalam semua perlawanan BFL 2023**.



- 7.6. **PEMAIN tanpa PAS Akreditasi, JTP boleh mengambil tindakan atau tindakan-tindakan ke atas Pasukan, Pegawai dan Pemain jika didapati mana-mana Pasukan menurunkan Pemain yang tidak layak akan menerima hukuman dan denda mengikut Peraturan Am Pertandingan Perkara 4.**
- 7.7. **Pemain yang sedang menjalani hukuman tata tertib yang ditetapkan oleh JTP atau JKT FABD dikehendaki menyerahkan PAS Akreditasi mereka kepada JTP dan sekiranya GAGAL berbuat demikian, pasukan dan pemain akan menerima hukuman dan denda mengikut Peraturan Am Pertandingan Perkara 4.**
- 7.8. **PEGAWAI DAN PEMAIN tanpa PAS Akreditasi adalah tidak layak atau tidak boleh berada di dalam semua perlawanan di bawah pengelolaan FABD. JTP boleh mengambil tindakan hukuman dan denda ke atas Pasukan dan Pegawai serta Pemain mengikut Peraturan Am Pertandingan, Perkara 4.**
- 7.9. **PEGAWAI atau PEMAIN yang DIDAPATI BERSALAH TELAH MEMBERI ATAU MEMBENARKAN ATAU MENYERAHKAN PAS (akreditasi) miliknya bagi digunakan oleh PEGAWAI atau PEMAIN LAIN di dalam pasukannya boleh dikenakan tindakan hukuman dan denda mengikut Peraturan Am Pertandingan Perkara 4.**

#### **PERKARA 8: TANGGUNGJAWAB PASUKAN ATAU PEGAWAI ATAU PEMAIN**

- 8.1. Pasukan yang telah mengesahkan penyertaan mestilah **bertanggungjawab dan memastikan :-**
  - 8.1.1 Mematuhi Undang-Undang Permainan yang diterbitkan oleh FIFA dan badan yang mengelola.
  - 8.1.2 Bersetuju menerima semua keputusan mengenai pengurusan pentadbiran dan pengelolaan BFL 2023 yang telah ditetapkan oleh JTP dan FABD.
  - 8.1.3 **Mematuhi semua keputusan Pengadil dan lain-lain keputusan yang dibuat oleh lain-lain Pegawai Pertandingan serta menyelesaikan masalah atau rungutan mengenai pengelolaan BFL 2023** berasaskan semangat kesefahaman, kerjasama dan kesukanan yang tinggi serta berpandukan Peraturan Persatuan atau Peraturan Am Pertandingan atau Undang-Undang Permainan.
  - 8.1.4 **PENGURUS ATAU KETUA JURULatih atau LAIN-LAIN PEGAWAI PASUKAN mesti hadir mesyuarat, taklimat atau seminar yang diadakan sebelum Pertandingan iaitu pada masa, tarikh dan tempat yang ditetapkan oleh JTP.**

- 8.1.5 **Melaksana dan menegakkan prinsip 'Fair Play'** sepanjang perlawanan BFL 2023.
- 8.1.6 **Mengambil tindakan segera** mengenai **sebarang teguran, arahan oleh mana- mana Pegawai Perlawanan, atau Surat Keliling yang dikeluarkan oleh JTP** mengenai pengelolaan dan pengurusan Futsal.
- 8.1.7 **Menerima semua kemudahan atau kelengkapan** yang disediakan oleh JTP.
- 8.1.8 **Pegawai dan pemain dilarang sama sekali membuat kenyataan akhbar atau didalam mana-mana akaun sosial media mengenai pengurusan dan pengelolaan pertandingan** ini termasuklah keputusan-keputusan fakta oleh pengadil kecuali dengan **kebenaran FABD**.
- 8.1.9 **Sebarang perselisihan atau rungutan** mengenai perkara-perkara bukan teknikal hendaklah dikemukakan **secara bertulis kepada JTP**.
- 8.1.10 **Bertanggungjawab menjaga tingkah laku Pasukan, Pegawai, Pemain, Penyokong dan mana-mana orang yang menjalankan tugas-tugas pihak Pasukan** sepanjang pertandingan ini, sebelum ketibaan sehingga Pasukan berlepas pulang.
- 8.1.11 **Menyediakan maklumat mengenai pasukan, termasuklah gambar logo pasukan, gambar Pegawai dan Pemain dan lain-lain data** seperti yang diminta oleh JTP dan FABD bagi **tujuan promosi**.
- 8.1.12 **Mematuhi garis panduan dan arahan** yang dikeluarkan oleh JTP dan FABD.
- 8.1.13 **Mengecualikan JTP dan FABD** daripada semua tanggungjawab dan melepaskan **apa-apa tuntutan** terhadap **JTP dan FABD serta Pegawai-Pegawai Pertandingan** yang dilantik oleh **JTP dan FABD terhadap sebarang kerosakan yang berpunca daripada sebarang tindakan atau peninggalan yang berkaitan dengan organisasi dan urusan pertandingan** terhadap kerosakan yang disebabkan oleh FABD atau Pegawai-Pegawai Pertandingan **[samada secara sengaja atau tidak sengaja]**.
- 8.1.14 **Pegawai Pasukan** hendaklah memastikan **semua pemain pasukan masing-masing diberikan penerangan** yang jelas mengenai **PERATURAN AM DAN SYARAT PERTANDINGAN BFL 2023** terutama perkara-perkara berikut:
- 8.1.14.1 Peraturan Pertandingan dan Undang-undang Permainan.
- 8.1.14.2 Peraturan Perpindahan dan Status Pemain Tempatan/antarabangsa hendaklah melalui Player Status FABD.
- 8.1.14.3 Peraturan Tatatertib dan Rayuan FABD.
- 8.1.14.4 Peraturan **Fair Play**.

- 8.1.14.5 Pengelolaan Perlawanan dan Organisasi Teknikal Perlawanan (OTP).
- 8.1.14.6 **Pasukan memberi pengakuan bahawa tidak menuntut sebarang ganti rugi** daripada FABD, JTP , Pegawai Pertandingan atau Penaja bersabit dengan kemalangan, kecelakaan, kerosakan atau kecurian iaitu **pada masa sebelum, semasa dan selepas Pertandingan.**
- 8.1.14.7 **Pemain tempatan yang telah mengesahkan pendaftaran dalam Pertandingan BFL 2023 ini, secara automatik memberi persetujuan untuk mewakili Pasukan Kebangsaan** jika khidmat mereka diperlukan dan dipilih.
- 8.1.14.8 "*Startlist*" hendaklah dilakukan **60 minit sebelum** masa rasmi perlawanan pasukan mengikut jadual pertandingan yang telah ditetapkan dengan menggunakan **BORANG** yang disediakan **oleh JTP perlawanan dimulakan. Denda** sebanyak **BND 50.00** (DOLAR BRUNEI : LIMA PULUH SAHAJA) akan dikenakan sekiranya pasukan lewat untuk mengemukakan "*Startlist*" kepada **JTP** daripada masa yang telah ditetapkan.
- 8.1.14.9 Setiap pasukan **mestilah mendaftar minima 8 orang pemain dan maksimum 14 orang Pemain** (termasuk sekurang-kurangnya seorang pemain U-20) daripada **Senarai Pendaftaran Pertandingan** di setiap mana-mana perlawanan di dalam **BFL 2023. DMC/LGC BFL 2023** akan **memastikan setiap pasukan yang terlibat akan mematuhi setiap arahan ditetapkan seperti dalam Jadual "COUNTDOWN TO KICK OFF.**

## **PERKARA 9: FORMAT PERTANDINGAN**

- 9.1 **FORMAT LIGA FUTSAL BRUNEI 2023** adalah seperti keterangan di bawah ini:
- 9.1.1 **Hanya 12 (DUA BELAS) PASUKAN SAHAJA** yang akan bertanding di Liga Futsal Brunei 2023 (BFL 2023).
  - 9.1.2 Perlawanan **LIGA FUTSAL BRUNEI 2023** akan diadakan secara **Home/Away Format**.
  - 9.1.3 **PASUKAN YANG MENGUMPUL MATA TERTINGGI** akan dikira **JUARA LIGA BFL 2023, kedua tertinggi selaku NAIB JUARA, ke 3, ke 4 dan seterusnya**.
  - 9.1.4 Dalam **menentukan pasukan yang menjadi Juara**, kaedah digunakan adalah mengikut Peraturan Am Pertandingan **Perkara 9.2**.

## 9.2 **PENENTUAN PASUKAN PEMENANG ATAU TERATAS BFL 2023**

9.2.1 Dalam Pertandingan **Liga Futsal Brunei 2023**, penentuan Pasukan teratas atau pemenang **JUARA LIGA** iaitu setelah tamat semua perlawanan peringkat liga hendaklah **mengikut susunan hirarki seperti berikut:-**

- 9.2.1.1 Pasukan yang mendapat **mata yang tertinggi**, dikira sebagai pemenang, jika sama;
- 9.2.1.2 Pasukan yang mempunyai **perbezaan gol terbanyak** dikira sebagai pemenang, jika sama;
- 9.2.1.3 Pasukan yang mempunyai jumlah **jaringan gol terbanyak** dikira sebagai pemenang, jika sama;
- 9.2.1.4 Jika terdapat **dua (2) atau lebih** pasukan mendapat mata yang sama, maka penentuan pasukan teratas atau pemenang seperti berikut;

### **KRITERIA SECARA 'HEAD-TO-HEAD':**

- 9.2.1.4.1 Pasukan yang mendapat jumlah mata yang terbanyak di antara pasukan-pasukan terlibat, jika sama;
- 9.2.1.4.2 Pasukan yang mempunyai perbezaan gol yang terbanyak di antara pasukan-pasukan terlibat, jika sama;
- 9.2.1.4.3 Pasukan yang mempunyai jumlah jaringan gol yang terbanyak di antara pasukan-pasukan terlibat, jika sama;
- 9.2.1.4.4 Mengambil kira jumlah kad kuning dan kad merah yang diterima dalam Peringkat Kumpulan (Sila rujuk 'Penentuan kedudukan dalam Kumpulan menggunakan Kriteria Fair Play di bawah, jika sama;

### **KEPUTUSAN SEMUA PERLAWANAN LIGA:**

- 9.2.1.4.5 Pasukan yang mempunyai perbezaan gol yang terbanyak dalam semua perlawanan liga, jika sama;
- 9.2.1.4.6 Pasukan yang mempunyai jumlah jaringan gol yang terbanyak dalam semua perlawanan liga, jika sama;
- 9.2.1.4.7 Mengambil kira jumlah kad kuning dan kad merah yang diterima dalam Peringkat Liga (Sila rujuk 'Penentuan kedudukan dalam Kumpulan menggunakan Kriteria Fair Play di bawah, jika sama;
- 9.2.1.4.8 Undian mengikut kaedah yang diputuskan oleh JTP hingga mendapat keputusan yang mana adalah

muktamad.

- 9.2.1.4.9 Penentuan Kedudukan dalam Kumpulan menggunakan Kriteria Fair Play sebagaimana yang diperuntukkan dalam pengiraan mata di dalam Perkara 9, skor yang lebih sedikit dikira mengikut bilangan kad kuning dan merah yang di terima dalam kumpulan perlawanan akan di kira seperti berikut:
- 9.2.1.4.10 Setiap pasukan akan menerima mata untuk menerima kad merah dan kuning seperti yang ditunjukkan di bawah:
  - 9.2.1.4.10.1 setiap kad kuning - satu (1) mata
  - 9.2.1.4.10.2 setiap kad merah akibat daripada dua (2) kad kuning - tiga (3) mata
  - 9.2.1.4.10.3 setiap kad kuning dan diikuti dengan kad merah langsung - empat (4) mata.
  - 9.2.1.4.10.4 setiap kad merah langsung - tiga (3) mata
  - 9.2.1.4.10.5 Pasukan yang menerima paling sedikit mata akan menduduki tempat yang tertinggi.

## **PERKARA 10: MATA PERLAWANAN**

10.1	Menang	- 3 mata
10.2	Seri	- 1 mata
10.3	Kalah	- 0 mata

## **PERKARA 11: JADUAL DAN SISTEM PERTANDINGAN**

- 11.1 JTP hendaklah menyemak Jadual Pertandingan yang disediakan terlebih dahulu dan di sahkan sebelum diedarkan kepada semua Pasukan yang mengambil bahagian sebelum bermulanya pertandingan.
- 11.2 **Pasukan MESTI mematuhi Jadual Pertandingan tersebut dengan sebaik-baiknya.**
- 11.3 Sebarang pindaan ke atas Jadual Pertandingan perlu mendapatkan kelulusan daripada JTP dalam tempoh **tujuh (7) hari** sebelum tarikh perlawanan yang dipohonkan.
- 11.4 **Waktu bermula sesuatu perlawanan** adalah seperti yang tercatat di dalam jadual pertandingan rasmi dan hanya boleh dipinda dengan kelulusan JTP sahaja.
- 11.5 Jika waktu bermula sesuatu perlawanan hampir atau sama dengan waktu kedengaran azan, maka perlawanan hendaklah dimainkan selepas tamat azan tersebut. Jika permainan sedang dijalankan dan azan kedengaran, permainan hendaklah dihentikan dan disambung semula selepas azan tamat.

## **PERKARA 12: MASA PERMAINAN**

- 12.1 **LIGA FUTSAL BRUNEI 2023** : Masa permainan ialah **20 MINIT** bagi **SEPARUH MASA PERTAMA** dan **20 MINIT** bagi **SEPARUH MASA KEDUA (STOPPAGE TIME)** dengan **1 kali Penghentian Masa selama 1 minit** setiap separuh masa permainan (**TIME OUT**). **REHAT** pada separuh masa hendaklah **tidak melebihi 15 minit**, kecuali dengan kebenaran Pengadil.
- 12.2 **Sekiranya berlaku sesuatu pergaduhan** melibatkan **penyokong kedua-dua pasukan** yang bertanding di dalam gelanggang dan perlawanan **telah melebihi 32 minit masa permainan** maka permainan akan **DI BERHENTIKAN SERTA MERTA** dan **KEPUTUSAN PERLAWANAN KEKAL** dan akan di rujuk kepada **Lembaga Tatatertib FABD**.

## **PERKARA 13: PEGAWAI-PEGAWAI PERTANDINGAN**

Pegawai-pegawai pertandingan terdiri daripada;

- 13.1 Pengarah Pertandingan, Pegawai Perlawanan, Penilai Pengadil, Pengadil Pertama, Pengadil Kedua, Pengadil Ketiga dan Penjaga Masa dan mana-mana Ahli-ahli Jawatankuasa Perlawanan yang dilantik oleh JTP dan FABD.
- 13.2 FABD bertanggungjawab **menanggung elaan tugasan Pegawai-Pegawai Perlawanan pertandingan yang berlangsung seperti yang ditetapkan oleh FABD**.
- 13.3 Keputusan pegawai pertandingan adalah **MUKTAMAD**.



## **PERKARA 14: PENANGGUHAN, PEMBATALAN DAN PENUNDAAN PERLAWANAN**

- 14.1 Sekiranya **Pengadil berpendapat bahawa perlawanan tidak boleh dimainkan atau dihentikan kerana sebab-sebab luar jangka atau bencana atau dihentikan oleh Pengadil**, maka perlawanan tersebut akan diputuskan oleh **JTP atau Pengarah Pertandingan** yang mana keputusannya **adalah muktamad**.
- 14.2 **Sekiranya sesuatu perlawanan dihentikan dan tidak disambung semula permainan oleh Pengadil kerana berpunca dari tingkah laku penonton, Pegawai atau Pemain satu Pasukan yang tidak memuaskan** seperti yang dilaporkan oleh Pegawai Perlawanan atau pada **pendapat Pengadil tiada jaminan keselamatan atau kejadian yang berlaku tidak dapat lagi dikawal atau diluar bidang kuasa Pengadil**, atau keengganan Pegawai, Pegawai atau salah satu Pasukan tidak mahu meneruskan permainan maka **JTP atau Pengarah Pertandingan** hendaklah **membuat keputusan dan mengambil tindakan atau denda mengikut Perkara 4** kepada yang terlibat.
- 14.3 **Jika sekiranya perlawanan dihentikan atau tidak dimainkan dengan apa jua sebab sekalipun termasuklah memberi kemenangan percuma**, maka **Pasukan tersebut akan dikenakan hukuman dan denda mengikut Pertandingan Am Pertandingan Perkara 4**.
- 14.4 Perlawanan yang **DIBATALKAN**;
- 14.4.1 Jika perlawanan tidak boleh dimulakan pada masa yang dijadualkan disebabkan **Force Majeure**, gelanggang yang tidak sesuai untuk bermain, kegagalan lampu limpah berfungsi atau apa-apa sebab lain, prosedur berikut hendaklah diikuti.
- 14.4.1.1 **Perlawanan mesti ditangguhkan untuk sekurang-kurangnya lima belas (15) minit**. Semasa tempoh ini, **Pengadil boleh memutuskan bahawa Perlawanan boleh bermula sebelum masa 15 minit tamat**;
- 14.4.1.2 **Selepas berakhir tempoh lima belas (15) minit yang pertama**, maka; **Tambahan Tempoh tiga puluh (30) minit yang kedua boleh dibuat mengikut budi bicara Pengadil** untuk membolehkan Perlawanan dimulakan; atau
- 14.4.1.3 **Perlawanan itu diisytiharkan dibatalkan** oleh Pengadil;
- 14.4.1.4 Setelah tempoh masa tiga puluh (30) minit kedua berakhir, maka Pengadil **boleh mengisytiharkan Perlawanan dibatalkan**;
- 14.4.1.5 Dalam tempoh **satu (1) jam** pihak JTP akan membuat keputusan dengan mengambil semua aspek dan pertimbangan organisasi, **sama ada Perlawanan boleh dijadualkan semula, atau sama ada apa-apa tindakan lain dan keputusan yang diperlukan untuk meneruskan pertandingan ini**.

14.4.1.6 Mana-mana keputusan tindakan tata tertib yang disebabkan oleh Perlawanan **dibatalkan hendaklah terus berkuat-kuasa.**

14.4.1.7 Keputusan yang dibuat di dalam **Perkara 14 adalah muktamad dan tidak boleh dirayu.**

## 14.5 Perlawanan yang **DITANGGUHKAN**:

- 14.5.1 **Jika perlawanan dihentikan oleh pengadil sebelum tamat masa permainan** atau pada bila-bila masa tambahan disebabkan oleh **'Force Majeure'**, di gelanggang yang tidak sesuai untuk bermain, kegagalan lampu limpah berfungsi atau apa-apa sebab lain selain daripada yang dinyatakan, prosedur berikut hendaklah diikuti:
- 14.5.1.1 **Perlawanan dihentikan selama lima belas (15) minit.** Semasa pemberhentian ini, **pengadil boleh memutuskan bahawa perlawanan boleh dimulakan sebelum** tempoh lima belas (15) minit tamat;
  - 14.5.1.2 **Selepas berakhir tempoh lima belas (15) minit yang pertama**, maka; **Tambahan tempoh masa tiga puluh (30) minit yang kedua** boleh dibuat mengikut budi bicara **untuk membenarkan perlawanan untuk diteruskan;** atau
  - 14.5.1.3 **Perlawanan diisytiharkan ditangguhkan oleh pengadil;**
  - 14.5.1.4 **Dalam tempoh masa satu (1) jam berakhir** keputusan untuk menghentikan perlawanan, maka JTP harus mengambilkira semua pertimbangan aspek dan organisasi, **sama ada keputusan perlawanan pada masa pemberhentian itu sah, sama ada perlawanan boleh dibatalkan dan selesai**, atau sama ada apa-apa tindakan dan keputusan yang diperlukan untuk meneruskan pertandingan.
  - 14.5.1.5 JTP akan memutuskan dan menentukan bahawa Perlawanan terhenti perlu diteruskan atau dimainkan semula hendaklah mengikut perkara-perkara seperti berikut:
    - 14.5.1.5.1 **Perlawanan hendaklah dimainkan semula dengan jaringan yang sama pada minit dan saat di mana permainan dihentikan** dan bukannya dimainkan dalam tempoh asal sepenuhnya;
    - 14.5.1.5.2 **Perlawanan hendaklah dimainkan semula dengan jumlah pemain dan penggantian yang sama** pada masa yang ia telah dihentikan pada mulanya;
    - 14.5.1.5.3 **Tiada penggantian tambahan boleh ditambah** kepada senarai pendaftaran Perlawanan pemain atau senarai pendaftaran perlawanan;

14.5.1.5.4 Mana-mana pemain yang didaftarkan semasa pendaftaran perlawanan dihentikan **tidak boleh di tukar ganti**;

14.5.1.5.5 **Apa-apa hukuman** yang dikenakan **sebelum perlawanan dihentikan** adalah kekal dan sah untuk **baki perlawanan tertunda**;

14.5.1.5.6 **Sepakmula masa, tarikh dan Perlawanan dijadualkan semula** hendaklah diputuskan oleh JTP; dan

14.5.1.5.7 Apa-apa perkara lain yang tidak dinyatakan di atas hendaklah **diputuskan** oleh **JTP menurut budi bicara mutlakny**a.

14.6 **Jika perlawanan dihentikan oleh pengadil sebelum tamat masa permainan yang sepenuhnya atau semasa sebarang masa tambahan** disebabkan oleh **satu pasukan yang mengambil bahagian** terdapat hanya **kurang daripada tiga (3) orang pemain** di dalam **gelanggang**, maka **perlawanan hendaklah dihentikan** dan pasukan yang ada lebih daripada tiga (3) orang pemain di **dalam gelanggang permainan akan diisytiharkan sebagai pemenang** dengan jaringan **5-0**, atau **jaringan pada masa terhenti permainan, yang mana lebih tinggi**.

## **PERKARA 15: PERALATAN , GELANGGANG DAN BANGKU SIMPANAN**

- 15.1 **Hanya gelanggang yang diperiksa dan diluluskan oleh JTP sahaja dibenarkan untuk digunakan.**
- 15.2 **Gelanggang mestilah bebas halangan sekurang-kurangnya 3 (tiga) meter dari garisan tepi dan 1.5 (satu persepuluh lima) meter dari garisan gol.**
- 15.3 **Bola pertandingan yang digunakan hendaklah seperti yang disediakan oleh JTP dan mestilah mematuhi Undang-Undang Permainan Futsal dan diiktiraf oleh FIFA.**
- 15.4 **Pegawai Pertandingan (LGC/DMC/PENGADIL) yang dilantik akan memeriksa setiap venue pertandingan sebelum perlawanan dan memastikan semua persiapan adalah mengikut Undang-Undang Permainan Futsal FIFA.**
- 15.5 **Semua perlawanan akan dimainkan di atas gelanggang selaras dengan Undang-Undang Permainan Futsal FIFA.**
- 15.6 **Maksimum lima (5) Pegawai dan maksimum sembilan (9) Pemain yang didaftarkan dibenarkan untuk duduk di bangku simpanan pasukan semasa perlawanan, dengan syarat mereka memiliki PAS Akreditasi yang dikeluarkan oleh FABB.**
- 15.7 **Pegawai dan Pemain yang berada di bangku simpanan Pasukan mestilah memakai PAS Akreditasi mereka pada setiap masa.**
- 15.8 **Semua individu di bangku simpanan pasukan mesti memakai pakaian yang berbeza dengan pakaian Pemain dan Pengadil di dalam gelanggang permainan.**
- 15.9 **Pasukan Tuan Rumah (PTR) hendaklah menduduki bangku simpanan Pasukan di sebelah kanan apabila berhadapan dengan gelanggang dari bangku Penjaga Masa.**
- 15.10 **Local General Coordinator (LGC) akan menetapkan tempat yang sesuai untuk Pasukan memanaskan badan sebelum perlawanan bermula.**
- 15.11 **Semasa perlawanan, maksimum lima (5) Pemain setiap Pasukan boleh memanaskan badan pada masa yang sama tanpa bola di belakang bangku Pasukan masing-masing. Pemain-Pemain ini boleh dibantu oleh seorang (1) Pegawai yang berdaftar dari bangku simpanan Pasukan.**
- 15.12 **Mesyuarat Koordinasi Perlawanan akan diadakan selewat-lewatnya satu (1) hari sebelum perlawanan pertama sahaja.**

## **PERKARA 16: PAKAIAN**

### 16.1 **Warna Pasukan** ialah:-

- 16.1.1 Setiap Pasukan mesti mempunyai sekurang-kurangnya **dua (2) set warna Pasukan yang berlainan warna** dan berlegan sahaja yang **telah didaftarkan** dan hendaklah dibawa **setiap perlawanan BFL 2023** serta mestilah **diluluskan oleh JTP** sebelum bermulanya Pertandingan.
- 16.1.2 **Setiap Pasukan** mesti **mengisytiharkan dan mendaftarkan warna Pasukan sebagai Pasukan Tuan Rumah (PTR) iaitu Pasukan yang disebut dahulu** dalam Jadual Pertandingan dan mesti memakainya di dalam perlawanan tersebut. **Pasukan Pelawat (PL)** mestilah **memakai warna Pasukan yang berlainan** dari warna Pasukan PTR.
- 16.1.3 **Jika terdapat persamaan warna Pasukan, dengan syarat PTR memakai warna Pasukan yang disytiharkan sebagai Tuan Rumah, maka Pasukan Pelawat (PL) hendaklah menukar warna Pasukan** tersebut dengan memakai warna Pasukan set kedua atau set ketiga atau dengan apacara sekali pun menyelesaikan masalah persamaan warna Pasukan.
- 16.1.4 **Jika sekiranya terdapat persamaan warna Pasukan kerana PTR tidak memakai warna Pasukan yang disytiharkan dan didaftarkan sebagai warna PTR, maka PTR hendaklah menukar warna Pasukan tersebut dengan memakai warna Pasukan set kedua atau set ketiga** atau dengan apacara sekali pun menyelesaikan masalah persamaan warna Pasukan.
- 16.1.5 **Jika masih lagi tiada penyelesaian mengenai persamaan warna pakaian Pasukan, maka JTP atau Pengarah Pertandingan** mestilah membuat keputusan dan keputusan tersebut mestilah dipatuhi oleh kedua-dua Pasukan.
- 16.1.6 Setiap pasukan adalah digalakkan untuk hanya menggunakan jenama jersi dari trademark asli bagi mengelakkan masalah dengan pihak pemilik trademark dan jenama. Sekiranya , terdapat mana-mana pasukan di ambil tindakan undang-undang oleh pihak berwajib, maka **JTP dan FABD tidak akan bertanggungjawab di atas perkara tersebut.**
- 16.1.7 **Jika pasukan yang diarahkan gagal menukar warna jersi atau stoking dalam tempoh lima belas (15) minit, maka pasukan itu akan dikira KALAH** dalam perlawanan tersebut.
- 16.1.8 **Jika Perkara 16 masih tidak mendapat penyelesaian dan perlawanan tidak dapat dijalankan, maka Pasukan yang dibuktikan bersalah oleh JTP akan dikenakan hukuman dan denda** mengikut Pertandingan Am Pertandingan Perkara 4.

## 16.2 NOMBOR JERSI DAN SELUAR

- 16.2.1 **Nombor di belakang jersi MESTI** jelas dan **tingginya tidak kurang dari 10 inci**, manakala nombor di sebelah kanan seluar **MESTI** ialah **2 inci tinggi** dan **mestilah sama dengan nombor yang didaftarkan di dalam senarai pendaftaran Pemain**.
- 16.2.2 Nombor jersi mestilah daripada nombor **1 hingga 23** bagi pemain dan **tidak boleh di tukar sehingga tamat pertandingan**. **Pemain yang didaftarkan sebagai pemain U-20 hendaklah menggunakan jersi bernombor 21, 22 dan 23 bagi pemain**.
- 16.2.3 Mana-mana Pasukan yang gagal mematuhi akan dikenakan hukuman dan denda mengikut Pertandingan Am Pertandingan Perkara 4.

## 16.3 IKLAN

- 16.3.1 Pasukan boleh mempamerkan sebarang jenama atau iklan pada jersi dengan **syarat mendapat KELULUSAN daripada JTP**.
- 16.3.2 **Mana-mana Pasukan yang gagal mematuhi akan dikenakan hukuman dan denda mengikut Pertandingan Am Pertandingan Perkara 4**.

## 16.4 BIB PASUKAN

- a) Setiap Pasukan **DIMESTIKAN** membawa sekurang-kurangnya **[9+5] helai Bib, empat belas (14) yang berlainan warna dengan warna jersi yang didaftarkan sebagai PTR atau PL dan HENDAKLAH DI PAKAI** oleh **pemain-pemain simpanan atau Pegawai jika diarahkan oleh Pegawai Pertandingan** semasa berada di bangku simpanan sepanjang masa perlawanan.

## 16.5 THIGHT / THERMAL

- 16.5.1 Warna "tight" atau "thermal" **hendaklah sama dengan warna seluar**.
- 16.5.2 Warna 'Inner' pemain hendaklah sama dengan **lengan jersi pasukan yang mana warnanya lebih banyak**.
- 16.5.3 Mana-mana Pasukan yang **gagal mematuhi** akan dikenakan **hukuman dan denda mengikut Pertandingan Am Pertandingan Perkara 4**.

## PERKARA 17: HADIAH DAN TROFI

### 17.1 TROFI

- 17.1.1 **PASUKAN JUARA** boleh menyimpan **Trofi Liga Futsal Brunei 2023 (BFL 2023)** yang dipertandingkan selama **tiga (3) bulan sahaja dari tarikh ia menjadi Juara**. Pasukan juga boleh menulis **nama Pasukannya sebagai juara tahun kejohanan pada Piala tersebut**. Selepas **tiga (3) bulan** Piala **mestilah di pulangkan kepada FABD dalam keadaan baik**.

- 17.1.2 **Pasukan mestilah bertanggungjawab ke atas keselamatan TROFI dan memastikan tiada sebarang kecacatan atau sebarang kerosakan terjadi ke atas TROFI tersebut.** Jika Trofi hilang atau rosak Pasukan bertanggungjawab memperbaiki kerosakan tersebut atau jika kerosakan tersebut tidak dapat diperbaiki atau pada pendapat FABD ia perlu digantikan dengan Trofi baru, maka pasukan mestilah menggantikan dengan Trofi yang baru dengan syarat rekabentuk mestilah terlebih dahulu dipersetujui oleh FABD.
- 17.1.3 **Mana-mana Pasukan yang gagal mematuhi** akan dikenakan hukuman dan denda mengikut Pertandingan Am Pertandingan Perkara 4.
- 17.1.4 **TROFI ATAU HADIAH** akan ditetapkan dan dimaklumkan oleh JTP.

#### **PERKARA 18: PROTOKOL PERTANDINGAN DAN ORGANISASI TEKNIKAL PERLAWANAN (OTP)**

- 18.1 **FABD telah memberikan garis panduan POST COVID19 PROTOCOLS & GUIDELINES untuk diikuti sebelum pasukan-pasukan (PTR/PL) tiba di gelanggang perlawanan dan langkah-langkah keselamatan/SOP yang perlu dipatuhi sebelum pertandingan dijalankan termasuklah SOP dari Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan dan Kementerian Kesihatan.**
- 18.2 **Sepanjang Kejohanan berlangsung, Bendera "FIFA FAIR PLAY", hendaklah dibawa masuk ke dalam ke gelanggang perlawanan sebelum pertandingan bermula seperti yang ditetapkan kedudukannya oleh JTP.**
- 18.3 **Sebaik sahaja TAMAT PERLAWANAN, kedua-dua Pasukan mesti berkumpul dengan kumpulan Pengadil di tengah gelanggang TANPA BERSALAMAN antara dua pasukan bagi mematuhi POST COVID19 PROTOCOLS & GUIDELINES, FABD dan kesediaan OPERASI TAHAP 5 (kebiasaan baharu) SUKAN DALAM DEWAN DAN LUAR DEWAN BAGI SEMUA ACARA SUKAN yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan.**



18.4 Semua Pasukan, Pegawai dan Pemain-Pemain mesti mematuhi sepenuhnya “**OTP**” dan termasuklah “**COUNTDOWN TO KICK OFF**” yang dikeluarkan oleh **JTP** bagi melicinkan pengurusan perlawanan Futsal dari masa ke semasa.

18.5 **COUNTDOWN TO KICK OFF (CDTK)** adalah seperti berikut :

<b>MINIT</b>	<b>TINDAKAN</b>
60.00	Tiba di gelanggang
60.00	Mengemaskini <i>starting list</i> pemain ke dalam system secara online
45.00-15.00	Pemanasan badan kedua pasukan
10.00	Pemeriksaan Pemain oleh Pegawai Pertandingan
05.00	Berkumpul di belakang meja JTP
02.00	Lagu FIFA dimainkan
01.00	Masuk ke bulatan gelanggang
00.00	Permainan dimulakan

18.6 **Mana-mana Pasukan, Pegawai atau Pemain** yang **gagal mematuhi OTP** ini akan dikenakan denda tidak melebihi **BND 500.00** (Dolar Brunei: Lima Ratus Sahaja).

18.7 **Mana-mana Pasukan yang gagal mematuhi** akan **dikenakan hukuman dan denda mengikut Pertandingan Am Pertandingan Perkara 4.**

## **PERKARA 19: KENYATAAN MEDIA**

19.1 **Semua Pasukan termasuk Pegawai dan Pemain tidak dibenarkan membuat sebarang kenyataan MEDIA** dengan apa jua tujuan sekalipun **mengenai pengurusan dan pengelolaan Futsal kecuali dengan kebenaran FABD.**

19.2 **Kenyataan akhbar adalah SANGAT DILARANG** termasuklah :-

19.2.1 Memanggil sidang media khas

19.2.2 Memberi kenyataan secara lisan atau bertulis kepada media cetak atau elektronik atau media sosial.

19.2.3 Sedar akan kehadiran pihak media semasa membuat kenyataan.

19.2.4 Terdapat dengan jelas nama pegawai atau pemain atau jawatan yang secara khusus di dalam media cetak atau elektronik atau media sosial.

19.2.5 Sebarang kenyataan akhbar rasmi hanya di adakan di “**Mixed Zone Area**” yang disediakan oleh JTP.

19.2.6 Mana-mana Pasukan yang gagal mematuhi akan dikenakan hukuman

dan denda mengikut Pertandingan Am Pertandingan Perkara 4.

19.2.7 Jawatankuasa Tatatertib FABD akan mengambil tindakan tegas jika didapati mana-mana Pasukan, Pegawai atau Pemain yang mengingkari Peraturan ini.

## **PERKARA 20: BANTAHAN**

- 20.1 **SEBARANG BENTUK BANTAHAN SEBELUM SESUATU PERLAWANAN** atau **SELEPAS JADUAL RASMI DIUMUMKAN HENDAKLAH DIKEMUKAKAN SECARA BERTULIS** dan **diterima oleh JTP dengan bukti yang kukuh dan jelas iaitu DUA (2) jam** sebelum masa perlawanan pertama rasmi pasukan tersebut.
- 20.2 Sebarang bentuk bantahan boleh **diutarakan dalam masa 30 minit** selepas perlawanan berakhir atau selepas keputusan rasmi perlawanan diumumkan. **SEBARANG BENTUK BANTAHAN SELEPAS SESUATU PERLAWANAN** atau selepas keputusan rasmi diumumkan hendaklah dikemukakan **secara bertulis dan diterima oleh JTP dengan bukti yang kukuh dan jelas iaitu dalam tempah DUA PULUH EMPAT (24) JAM** selepas **selesai masa perlawanan rasmi pasukan tersebut**.
- 20.3 **SETIAP BANTAHAN RASMI TERSEBUT HENDAKLAH DISERTAKAN DENGAN WANG TUNAI** Berjumlah **BND500.00** (Dolar Brunei: Lima Ratus Sahaja). Wang bantahan ini **TIDAK AKAN DIKEMBALIKAN**.
- 20.4 **Bantahan akan tertolak dengan sendirinya jika melibatkan sebarang keputusan mengenai perkara-perkara fakta yang telah diputuskan oleh Pengadil di gelanggang perlawanan.**

## **PERKARA 21: JAWATANKUASA-JAWATANKUASA**

### 21.1 **PENGANJUR (JTP)**

- 21.1.1 **Jawatankuasa Tetap Futsal FABD** adalah PENGANJUR yang akan mengendalikan pertandingan atas panduan dan kerjasama Bahagian Pertandingan FABD.
- 21.1.2 Jawatankuasa Pelaksana **bertanggungjawab:-**
- 21.1.1.1 Memastikan permainan mengikut **“The FIFA Futsal Laws of the Game”** dan berlandaskan peraturan pertandingan ini.
- 21.1.1.2 Mengganti pasukan yang menarik diri atas kebenaran FABD.
- 21.1.1.3 Membuat keputusan bersama-sama Pegawai Perlawanan dalam menghadapi keadaan bencana (force majeure) dengan persetujuan Pengarah Pertandingan FABD.
- 21.1.1.4 Semua keputusan yang diputuskan adalah muktamad dan tidak boleh dicabar dimana-mana peringkat sekalipun.

- 2.1.1.6 JTP bertanggungjawab mengubal **Peraturan Am Pertandingan dan Syarat Pertandingan BFL 2023.**
- 21.1.7 Memaklumkan perubahan-perubahan pindaan Undang- undang permainan terkini kepada semua pasukan terlibat di dalam BFL 2023.
- 21.1.8 Menyediakan bajet dan menguruskan perbelanjaan pengelolaan BFL 2023.
- 21.1.9 Merancang kursus atau bengkel yang bersesuaian termasuklah **SEMINAR Sistem Perlesenan Kelab (satu kemestian)** bagi kelab futsal yang bernaung di FABD.
- 21.1.10 Mengambil langkah-langkah tertentu supaya BFL 2023 sebagai satu landasan terbaik ke arah menuju liga profesional di masa akan datang.
- 21.1.11 Mengkaji dan memperbaiki kaedah dan format BFL 2023 demi meningkatkan mutu kejohanan.
- 21.1.12 Merancang JADUAL perlawanan BFL 2023 termasuklah menyediakan dan mengemukakan Laporan Perbelanjaan BFL 2023.
- 21.1.13 Menguruskan berkaitan Bukan Teknikal dan Teknikal BFL 2023.

## 21.2 JAWATANKUASA BANTAHAN (JKB)

21.2.1 **JKB** ini akan akan dirujuk dibawah Jawatankuasa Tatatertib dan Dislipin FABD:-

21.2.2 **Tugas atau Tanggungjawab** Jawatankuasa ini adalah:-

21.2.2.1 Mengkaji sebarang bantahan atau permintaan bertulis dan/atau aduan yang dikemukakan oleh pengurus dan/atau pegawai pasukan yang dibuat secara rasmi.

21.2.2.2 Membuat keputusan berdasarkan **Peraturan Am dan Syarat Pertandingan BFL 2023**.

21.2.2.3 Sebarang perkara yang melibatkan bantahan yang mana laporan kes atau bantahan yang akan disediakan oleh JTP atau FABD untuk di dengarkan dan dibincangkan oleh JKB ini.

21.2.2.4 Semua keputusan JKB ini adalah muktamad dan tidak boleh dicabar keperingkat mana sekalipun.

## 21.3 JAWATANKUASA TATATERTIB (JKT)

21.3.1 **Jawatankuasa Tatatertib (JKT)** akan dirujuk dibawah Lembaga Tatatertib dan Dislipin FABD.

## 21.4 JAWATANKUASA RAYUAN (JKR)

21.4.1 **Jawatankuasa Rayuan (JKR)** akan dirujuk dibawah Lembaga Tatatertib dan Dislipin FABD.

## **PERKARA 22: PENTADBIRAN**

### **22.1 Kawalan Keselamatan, Kelakuan Pegawai, Pemain Dan Penonton**

- a) **JTP dan Pengurus Venue** hendaklah mengambil langkah-langkah keselamatan di dalam venue dan menyediakan jawatankuasa keselamatan yang mencukupi bagi **semua perlawanan dalam BFL 2023 di venue yang ditetapkan.**

### **22.2 PASUKAN TUAN RUMAH (PTR) dan PASUKAN PELAWAT (PL) hendaklah bertanggungjawab sepenuhnya ke atas :-**

- a) **Kelakuan** baik para Pegawai, Pemain dan penonton sesuatu pasukan.
- b) Mengambil langkah-langkah keselamatan dan mematuhi sepenuhnya **POST COVID19 PROTOCOL & GUIDELINES FABD** dan **garis panduan OPERASI TAHAP 5 (kebiasaan baharu) SUKAN DALAM DAN LUAR DEWAN BAGI SEMUA ACARA SUKAN** oleh **Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan.**
- c) Kedua-dua Pasukan hendaklah memastikan tiada kejadian yang tidak diingini berlaku.
- d) PTR dan PL mestilah mematuhi arahan-arahan semasa JTP dan lain-lain Jawatankuasa yang berkaitan mengenai kawalan keselamatan ini.

## **PERKARA 23: LAPORAN PEGAWAI PERLAWANAN**

23.1 **Borang “start list”** perlawanan hendaklah disemak dan disahkan oleh **Pegawai Pertandingan.** Borang tersebut hendaklah di simpan untuk rekod atau rujukan oleh JTP dan FABD.

23.2 **Laporan insiden** hendaklah menggunakan borang khas yang disediakan oleh JTP dan mestilah dibincangkan serta merta sebaik-baik sahaja perlawanan tamat dengan Pengarah Pertandingan, Pegawai Pertandingan dan juga Pegawai Pasukan berkenaan. JTP dan Pengarah Pertandingan akan membuat keputusan mengenai insiden tersebut dan mestilah dimaklumkan kepada Pegawai Pasukan yang terlibat.

## **PERKARA 24: HAL-HAL YANG TIDAK DIPERUNTUKAN**

24.1 Semua hal-hal atau perkara-perkara yang **tidak diperuntukan di bawah Peraturan Am dan Syarat Pertandingan Liga Futsal Brunei 2023 (BFL 2023)** ini atau sebarang pengecualian mengenai pematuhan Peraturan ini atau semua perkara-perkara di luar jangka atau mengenai perbezaan tafsiran, **akan diputuskan oleh JTP atau Pengarah Pertandingan** yang mana keputusannya **adalah muktamad dan tidak boleh dicabar diperingkat mana sekalipun.**

# **UNDANG-UNDANG PERMAINAN FUTSAL**

## **1. UNDANG-UNDANG PERMAINAN**

- 1.1. **Undang-undang permainan** adalah mengikut Undang-undang Permainan Futsal yang berkuatkuasa sebagaimana yang diputuskan dan disiarkan oleh **FIFA, “The Futsal Laws of the Game”** dan **terjemahan FABD**.
- 1.2. Sekiranya terdapat percanggahan atau pertikaian mengenai implementasi atau interpretasi undang-undang permainan, **teks undang-undang berbahasa Inggeris adalah lebih berhak diguna pakai**.

## **2. PENENTUAN PASUKAN TERATAS ATAU PEMENANG (JUARA)**

- 2.1. Dalam **Pertandingan Liga Futsal Brunei 2023** dengan bermain **dua pusingan atau fasa**, maka **penentuan Pasukan teratas atau pemenang (JUARA)** iaitu **setelah tamat semua perlawanan peringkat liga** hendaklah merujuk **Peraturan Am dan Syarat Pertandingan Perkara 9; Perenggan 9.3**.

## **3. PEMAIN GANTIAN**

- 3.1. **Hanya sembilan (9) orang maksimum pemain gantian dibenarkan di buat semasa tempoh permainan (Rolling substitutions)**. Pemain yang telah diganti dibenarkan masuk bermain semula sebagai pemain gantian. Semua prosedur pemain gantian seperti yang terdapat dalam **“FIFA Futsal Laws of the Game”** mesti dipatuhi.

## **4. PENDAFTARAN PERTANDINGAN**

- 4.1. Pendaftaran Asal Pertandingan;
  - 4.1.1. Setiap pasukan boleh **mendaftar pemain dan pegawai** yang mengandungi **TIDAK LEBIH** daripada **Tiga Puluh (30) orang** terdiri dari **Dua Puluh Dua (23) orang PEMAIN** dan **TUJUH (7) orang PEGAWAI** termasuk **seorang Ketua Jurulatih** dan **seorang First Sports Aider atau Juru Pulih (FISIO)** melalui **BORANG** yang **disediakan oleh pihak JTP** sebelum tarikh akhir pendaftaran.
  - 4.1.2. **Senarai Pendaftaran Asal** hendaklah didaftarkan dan diserahkan **JTP sebelum atau pada masa dan tarikh yang telah ditetapkan**. Kegagalan berbuat demikian Pasukan tersebut **boleh didenda BND200.00** . (Dolar Brunei: Dua Ratus sahaja)

#### 4.2. Pendaftaran Perlawanan / **“Start List”**

- 4.2.1. Setiap pasukan mestilah mendaftar **minimum 8 orang pemain** dan **maksimum 14 orang Pemain** daripada **Senarai Pendaftaran Pertandingan di setiap mana-mana perlawanan di dalam BFL 2023** melalui **BORANG** yang disediakan sebelum perlawanan bermula. JTP/LGC/DMC Liga di dalam BFL 2023 akan memastikan setiap pasukan yang terlibat akan mematuhi setiap arahan ditetapkan seperti dalam Jadual **“COUNTDOWN TO KICK OFF.”**

#### 5. **PERKARA-PERKARA YANG TIDAK TERMAKTUB**

Mana-mana perkara yang tidak termaktub dalam peraturan ini hendaklah dipertimbangkan dengan budibicara bersama Jawatankuasa Tetap Futsal (Futsal dan Bola Sepak Pantai) (JTP) dengan nasihat teknikal FABD.

#### 6. **SENARAI SEMAKAN (rujuk Lampiran 1 m/s 43-44)**



## LAMPIRAN 1

### SENARAI SEMAKAN LIGA FUTSAL BRUNEI 2023 (BFL 2023)

SENARAI SEMAKAN		
BIL	PERKARA	TINDAKAN/MAKLUMAN
1.	<b>KELAYAKAN PEMAIN</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Mendaftar dua puluh tiga (23) orang pemain.</li><li>• Mendaftar tiga (3) orang pemain bawah umur 20 tahun (lahir 2003 ke atas)</li><li>• Dibenarkan mendaftar dua (2) orang pemain asing</li></ul>
2.	<b>KELAYAKAN PEGAWAI</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Mendaftar 7 (TUJUH) orang pegawai.</li><li>• Dimestikan mendaftar seorang Ketua Jurulatih yang memiliki Lesen Tahap 1 Futsal AFC atau Sijil Futsal FIFA</li><li>• Dimestikan mendaftar seorang Sports First Aider atau Juru Pulih (Fisioterapi)</li></ul>
3.	<b>KELAYAKAN PEMAIN</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Sah berdaftar dengan pasukan masing-masing.</li><li>• Berumur tidak kurang 16 tahun</li><li>• Seseorang pemain boleh didaftarkan di dua (2) pasukan dalam 1 musim melalui jendela perpindahan.</li></ul>
4.	<b>SALINAN DOKUMEN UNTUK KETUA JURULATIH</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Lesen Tahap 1 Futsal AFC atau Sijil Futsal FIFA.</li></ul>
6.	<b>SALINAN DOKUMEN PEGAWAI PASUKAN</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Kad Pengenalan atau Pasport Antarabangsa bagi semua Pegawai.</li></ul>
7.	<b>SALINAN DOKUMEN PEMAIN PASUKAN</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Kad Pengenalan</li></ul>
8.	<b>PENGESAHAN DOKUMEN</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Kesemua dokumen hendaklah disahkan oleh <b>PENGURUS PASUKAN</b> atau <b>SETIAUSAHA PASUKAN MASING-MASING</b> dan di bawa bersama semasa membuat pengesahan dengan FABD.</li></ul>

9. **PAS AKREDITASI**
- Pengeluaran PAS AKREDITASI adalah **percuma bagi pemain dan pegawai yang didaftarkan sebelum** Liga Futsal Brunei 2023 (**BFL 2023**).
  - Pengeluaran PAS AKREDITASI selepas liga berjalan atau pertukaran maklumat selepas lesen dikeluarkan akan dikenakan caj **BND 50.00** (Dolar Brunei: Lima Puluh sahaja).
  - Pemain yang sedang menjalani hukuman tatatertib yang ditetapkan oleh JTP atau FABD **dikehendaki** menyerahkan PAS AKREDITASI mereka kepada JTP dan **sekiranya GAGAL berbuat demikian pasukan** akan didenda sebanyak **BND 100.00** (Dolar Brunei: Lima Puluh sahaja).
10. **TANGGUNGJAWAB PEMAIN**
- Pemain Tempatan yang berdaftar dengan Liga Futsal Brunei 2023 **secara automatik memberikan persetujuan mewakili Kebangsaan** jika terpilih.
11. **NOMBOR JERSI PASUKAN**
- **Bernombor 1-23** dipamerkan bahagian **belakang** dan hendaklah **jelas** dan tingginya **tidak kurang dari 10 inci**, manakala nombor di sebelah kanan seluar ialah **2 inci tinggi**.
12. **SIDANG AKHBAR**
- Hanya dibenarkan di ruangan "**Mixed Zone**" sahaja.
14. **BANTAHAN**
- **Sebarang bentuk bantahan sebelum** sesuatu perlawanan atau selepas jadual rasmi diumumkan hendaklah dikemukakan **secara bertulis dan diterima oleh JTP** dengan bukti kukuh dan jelas iaitu **DUA (2) jam** sebelum masa perlawanan pertama rasmi pasukan tersebut.
  - **Sebarang bentuk bantahan selepas** sesuatu perlawanan atau selepas keputusan rasmi diumumkan hendaklah dikemukakan secara bertulis dan **diterima oleh JTP dengan bukti yang kukuh dan jelas** iaitu **DUA PULUH EMPAT (24) jam** selepas selesainya masa perlawanan rasmi pasukan tersebut.
  - **Setiap bantahan rasmi tersebut hendaklah disertai dengan wang tunai berjumlah BND 500.00** (Dolar Brunei: Lima Ratus Sahaja). Wang bantahan ini **akan tidak dikembalikan**.

*Disediakan oleh;*

**JAWATANKUASA FUTSAL FABD  
Sesi 2020-2023 (BFL 2023), 17 JAN 2023**



